



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

LHDNM & JIM MENERUSKAN KERJASAMA STRATEGIK MENANGANI PERCUKAIAN EKSPATRIAT

Cyberjaya , 15 Jun – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memperkukuhkan kerjasama strategik dalam menangani isu percukaian pegawai-pegawai dagang atau ekspatriat yang menjalankan tugas di Malaysia bagi satu tempoh yang tertentu menggunakan Pas Penggajian atau Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK). Komitmen kerjasama strategik di antara dua agensi ini telah bermula sejak 19 Jun 2014 apabila termeterainya **Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan Kerjasama Perkongsian Maklumat Berkenaan Dengan Ekspatriat di Malaysia.**

Jalinan kerjasama dua hala ini diperkukuhkan lagi pada hari ini dengan pelancaran Sistem HASIL My EXPAT dalam majlis yang diadakan di Ibu Pejabat LHDNM di Cyberjaya petang tadi. HASIL My EXPAT ialah sebuah sistem yang telah dibangunkan secara dalaman oleh LHDNM. Sistem untuk kegunaan dalaman LHDNM ini menggunakan maklumat yang diperolehi daripada JIM dan berfungsi untuk memantau urusan percukaian berkaitan ekspatriat di Malaysia termasuk semakan ke atas pengeluaran Surat Penyelesaian Cukai (SPC) dan semakan lejer ke atas potongan PCB.

Sistem HASIL My EXPAT akan mula digunakan di cawangan-cawangan LHDNM seluruh Malaysia bermula 1 Julai 2017.

Jumlah Cukai Pendapatan Pegawai Dagang			
2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
91,362,677.66	144,360,837.03	201,272,963.94	201,314,083.49

Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Datuk Sabin Samitah merakamkan setinggi penghargaan kepada Jabatan Imigresen Malaysia serta menyuarakan keyakinan bahawa akan lebih banyak usaha penguatkuasaan akan dijalankan secara bersama dengan pihak JIM.

Turut hadir dalam Majlis Pelancaran pada petang ini ialah Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali berserta beberapa pegawai kanan JIM.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
 Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
 Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 15 Jun 2017